

PM: Kerajaan bertindak pertahan hak majoriti rakyat

UM 16 APR 2000

Oleh ZULKIFLI JALIL

SUBANG 15 April -- Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan terpaksa mencegah demonstrasi haram hari ini daripada merebak kerana mempertahankan hak majoriti rakyat yang tidak mahu kejadian seumpama itu berulang.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan akan dianggap tidak bertanggungjawab jika membiarkan demonstrasi berlaku hanya semata-mata kerana takut imejnya tercemar.

"Ada orang fikir kerajaan tidak harus berbuat apa-apa dan biarkan huru-hara berlaku. Kerajaan (sebenarnya) bertanggungjawab.

"Apa guna ada kerajaan, kalau kerajaan tidak dapat melindungi hak majoriti rak-

yat negara ini yang tidak inginkan kejadian yang dirancang oleh Parti Keadilan Nasional (Keadilan) ini," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar sekembalinya dari menghadiri Sidang Kkmuncak Kumpulan Negara Membangun (G 77) di Havana, Cuba, Rabu lalu, di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di sini, malam ini.

Turut menyambut beliau ialah Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Jamil Johari.

Dr. Mahathir mengulas penahanan tiga pemimpin pembangkang daripada Parti Keadilan oleh polis yang dikenal pasti merancang demonstrasi haram *Black 14* yang gagal menarik penyertaan rakyat di pekarangan Masjid Negara petang ini.

Ketiga-tiga mereka ialah

Ketua Pemuda Parti Keadilan itu, Mohamad Ezam Mohd. Ngor, Ketua Penerangan, Ruslan Kassim dan Penolong Setiausaha Pemuda, N. Gobalakrishnan.

Bersyukur

Sambil bersyukur kerana demonstrasi haram itu tidak mendapat sambutan, Dr. Mahathir berpendapat, rakyat masih sedar bahawa untuk mempejuangkan sesuatu, mereka tidak harus memburuk-burukkan imej dan menjejaskan ekonomi negara.

"Bila demonstrasi diadakan, yang jadi mangsa ialah peniaga terutama peniaga kecil yang (hidupnya) kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

"Selain itu, dengan imej

yang tidak baik ini, pelancong tidak datang, pengusaha hotel rugi kerana pelancong tidak mahu datang.

"Sementara demonstrasi tidak mendapat apa-apa hasil, mereka (perusuh) berjaya memburuk-burukkan imej negara ini," katanya.

Dr. Mahathir seterusnya berharap rakyat tidak menyokong demonstrasi memandangkan negara ini mempunyai pilihan raya.

"(Apatah lagi) parti-parti berkenaan (pembangkang) telah mendapat kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Di situ, mereka boleh suarakan pendapat mereka secara demokrasi.

"Ini cara terbaik bagi negara kita. Tiada sesiapa akan rugi dan mereka (rakyat dan pembangkang) dapat memperdengarkan pendapat mereka," ujar Perdana Menteri.